

2611/2
Pendidikan Seni Visual
Kertas 2
Sept/Okt
2007
3 jam

2611/2

LOGO DAN NAMA SEKOLAH

PENILAIAN BERSAMA PERCUBAAN SPM

TAHUN 2007

PENDIDIKAN SENI VISUAL

Kertas 2

(SENI HALUS)

3 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 6 soalan.

Jawab satu soalan sahaja.

Arahan kepada calon

- (a) *Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tuliskan dengan terang **Nombor Kad Pengenalan, Nombor Pusat, Angka Giliran, Kod Mata Pelajaran, Nombor Soalan** dan sediakan ruang **Markah** mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda (Lihat gambar rajah di bawah).*

Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.

5 cm	NO. KAD PENGENALAN: _____
	NO. PUSAT: _____
	ANGKA GILIRAN: _____
	KOD MATA PELAJARAN: _____
	NO. SOALAN: _____
	MARKAH: _____
8 cm	

- (b) *Hasil kerja anda hendaklah yang asli.*
- (c) *Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan itu **kecuali** ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.*
- (d) *Anda **tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek** pada permukaan hasil kerja yang sudah siap.*
- (e) *Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.*
- (f) *Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar **kecuali** teknik semburan dan "assemblaj". Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna, bahan tebuing yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.*
- (g) *Hasil kerja anda itu hendaklah dalam **bentuk 2D** sahaja.*

Jawab satu soalan sahaja.

1. Satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di sebatang jalan raya di lereng bukit. Sebuah kenderaan telah tertimbus. Beberapa orang penumpang cuba menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam kenderaan yang tertimbus itu. Lukiskan keadaan cemas ini.
2. Di halaman sebuah rumah terdapat beberapa buah pasu yang ditanam dengan pelbagai jenis bunga-bunga. Pelbagai saiz batu kelihatan tersusun di sekeliling pasu tersebut. Lukiskan suasana tersebut dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada aspek bentuk, jalinan dan ton.
3. Beberapa orang nelayan sedang membersihkan kesan-kesan tumpahan minyak di persisiran pantai. Terdapat beberapa ekor burung dan ikan mati terdampar di persisiran pantai tersebut. Gambarkan keadaan tersebut dalam lukisan anda.
4. Di dalam sebuah hotel bertaraf 'lima bintang' terdapat sebuah kaunter yang berukir dan dihiasi dengan gubahan bunga. Di belakangnya pula tergantung sebuah lukisan yang dihiasi dengan lampu dinding. Di ruang depan kanter tersebut dihiasi dengan bunga-bunga.
5. Anda sedang bermimpi berada di sebuah taman permainan kanak-kanak. Taman tersebut terdapat pelbagai alat permainan seperti papan gelongsor, jongkang jongkit, buaian dan sebagainya yang berimejkan serangga. Pokok bunga yang beraneka warna menghiasi taman tersebut. Lukiskan suasana ini
6. Di satu kawasan padang ragut, beberapa ekor lembu sedang meragut rumput. Gambarkan suasana tersebut dari jarak dekat.